

**Pk. P.U. 68.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL PASAR-PASAR**

**(MAJLIS DAERAH KRIAN) 1984**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Krian dengan ini membuat, dan menurut seksyen 103i Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pasar-Pasar (Majlis Daerah Krian) 1984** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Krian.

*Akta 171.  
Nama dan  
pemakaian.*

## Tafsiran.

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“gerai” termasuklah sesebuah tempat jualan;

“pasar awam” ertiannya sesebuah pasar yang dipunyai, dipajak atau disenggarakan oleh Yang Dipertua;

“pasar persendirian” ertiannya sesebuah pasar selain daripada sesebuah pasar awam dan termasuklah minimarket dan supermarket;

“pemegang gerai” bermaksud seseorang di dalam sesebuah pasar awam yang dilesenkan oleh Yang Dipertua untuk menjual di dalam pasar awam itu dan di dalam sesebuah pasar persendirian seseorang yang dibenarkan oleh pemegang lesen pasar persendirian itu untuk menjual di dalam pasar persendirian itu dan dalam kedua-dua pasar tersebut termasuklah orang yang menjaga gerai itu;

“tempat jualan” ertiannya mana-mana ruang yang ditandakan dalam lingkungan sesebuah pasar dan digunakan untuk menjual apa-apa artikel yang diluluskan oleh Yang Dipertua;

“Yang Dipertua” ertiannya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua, Majlis Daerah Krian dan termasuklah Setiausaha.

Lesen untuk  
pasar  
persendirian.

3. Tiada sesiapa pun boleh menubuh, mengurus atau menjalankan sesebuah pasar persendirian di mana-mana tempat, pegangan atau bangunan tanpa sesuatu lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah undang-undang kecil ini.

Kehendak-  
kehendak  
dalam  
bangunan,  
yang  
di-  
akan  
bagi pasar  
persendirian.

4. (a) Dinding-dinding sesebuah pasar persendirian hendaklah dikemasiapkan dengan permukaan yang licin yang boleh dibersihkan dengan mudah dan cepat tanpa tonjolan-tonjolan atau lekuk-lekuk atau pun sudut-sudut yang berkemungkinan boleh mengumpul habuk.

(b) Lantai-lantai hendaklah diperbuat daripada bahan yang kukuh yang kalis air, yang dikemasiapkan dengan licin dan bercerun supaya semua cecair dengan mudah dapat mengalir ke dalam longkang-longkang.

(c) Longkang-longkang hendaklah dibina dengan bata yang berlapik dengan simen yang baik dengan bahagian bawah separuh bulat atau paip-paip separuh daripada tembikar bergerlis dan hendaklah bergarispusat tidak kurang daripada 15 sentimeter dan hendaklah cukup bilangan dan cerunnya supaya segala air dan lain-lain cecair dapat mengalir. Longkang-longkang sedemikian itu, kecuali yang melintasi kaki-lima, hendaklah ditutup hanya dengan papan atau lain-lain bahan yang boleh dialih dan tidak boleh ditutupi oleh lekapan-lekapan atau perabot berat. Tiada longkang-longkang atau paip-paip untuk mengalirkan air hujan atau air basuhan atau najis atau benda-benda kumbahan selain daripada paip-paip kotoran yang dibina dengan sempurna boleh diletak melintasi premis itu.

(d) Lantai-lantai di tingkat-tingkat atas hendaklah dibina dengan sempurna daripada simen konkrit atau dengan papan berlidah yang rapat dan beralur atau dalam kaedah lain bersambung supaya tak telap air.

5. (a) Dalam mana-mana pasar persendirian di mana daging atau ikan dipotong, dilapah, dicincang, disimpan, dipamer atau di-dedahkan untuk jualan, maka dinding-dindingnya hendaklah dibina setinggi 1.8 meter dari lantai dan permukaannya hendaklah ditampal genting gerlis yang putih, bata bergerlis atau lain-lain bahan yang kalis air yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

Kehendak-  
kehendak  
bagi  
jualan  
daging dan  
ikan.

(b) Semua meja, kaunter, bangku atau almari pameran yang digunakan untuk mempamer daging atau ikan untuk dijual hendaklah ditutupi dengan batu mar-mar, genting gerlis yang putih, atau kaca dan hendaklah dibasuh dengan sabun dan air sekurang-kurangnya sekali sehari.

(c) Semua meja, kaunter, bangku atau almari pameran yang digunakan untuk mempamer buah-buahan atau sayuran segar untuk dijual hendaklah dibasuh dengan sabun dan air sekali setiap hari.

(d) Penyangkuk untuk menggantung apa-apa daging atau ikan yang dipamerkan untuk jualan hendaklah diganjakkan ke belakang sekurang-kurangnya 1.1 meter daripada beranda atau kakilima dan hendaklah daripada bahan yang kalis karat dan hendaklah ditukar apabila diarahkan oleh Yang Dipertua.

(e) Buah-buahan dan sayuran segar tidak boleh dipamerkan untuk jualan di kaunter atau bangku yang sama untuk daging atau ikan segar.

(f) Peti-peti air batu dari bentuk yang diluluskan hendaklah disediakan jika dikehendaki oleh Yang Dipertua berbuat begitu.

6. Hendaklah sentiasa terdapat di premis itu bekalan air yang bersih dan segar, yang mana hendaklah diperolehi daripada bekalan air awam.

Bekalan air.

7. Pemegang lesen sesebuah pasar persendirian hendaklah mematuhi kehendak-kehendak berikut—

Kehendak-  
kehendak  
kebersihan.

(a) Ia hendaklah menyebabkan segala sampah sarap dipungut dan ditempatkan dalam bekas-bekas yang bentutup yang disediakan untuk tujuan itu, dan hendaklah menyebabkan bekas-bekas itu dikosongkan dan dibersihkan seberapa kerap yang perlu untuk menjaga premis itu supaya bersih dan segar sepanjang masa, tetapi hendaklah tidak kurang daripada sekali dalam sehari;

(b) Pada masa-masa tertentu sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua, semua barang-barang mudah hendaklah diubahkan daripada premis berlesen itu, dinding-dinding, lantai-lantai, siling-siling dan bumbung-bumbungnya hendaklah disapu dan semua kotoran dan sampah sarap dibuang, dan seluruh premis itu dibersihkan sebersih-bersihnya, dicat atau disapu kapur, dan semua pembaikan-pembaikan yang perlu hendaklah dibuat kepada premis itu;

(c) Semua makanan yang dimaksudkan untuk jualan hendaklah dijaga dalam keadaan bersih dan terlindung dengan berkesan daripada lalat, vermin, serangga, habuk, kotoran atau lain-lain bahan, jirim atau benda yang berbahaya;

(d) Semua alatan yang digunakan di premis itu hendaklah dijaga di dalam keadaan yang bersih dan bebas dari sebarang kekotoran atau kecemaran;

(e) Tiada antikel bilik tidur atau pakaian boleh digantung atau disimpan di mana-mana bahagian sesebuah pasar persendirian.

Penepatan  
dan  
syarat-syarat  
keluaran  
di pasar  
persendirian.

8. (a) Yang Dipertua boleh menetapkan—

(i) Bilangan maksimum gerai, tempat jualan atau lot yang boleh didirikan atau diperuntukkan dalam sesebuah pasar persendirian itu;

(ii) Kedudukan dalam lingkungan pasar persendirian itu, di mana gerai atau tempat jualan itu boleh didirikan atau ditandakan;

(iii) Jenis makanan yang bermasak atau tidak bermasak, minuman atau barang-barang yang dijual atau yang hendak dijual di tiap-tiap seksyen atau bahagian pasar persendirian itu; dan

(iv) Lain-lain kehendak seperti yang difikirkan perlu oleh Yang Dipertua.

(b) Yang Dipertua boleh mengeluarkan lesen-lesen bagi pasar-pasar persendirian di atas apa-apa terma-terma dan syarat-syarat sepetimana yang difikirkan patut.

Lesen gerai  
dikehendaki  
di pasar  
awam.

9. (a) Tiada sesiapa pun boleh menjual atau mendedahkan atau menyimpan untuk jualan, binatang-binatang atau daging, ikan, ayam, itik, buah-buahan, sayuran atau lain-lain artikel makanan yang mudah busuk yang dimaksudkan bagi makanan manusia, atau apa-apa pakaian, barang jagaan atau lain-lain barang di dalam mana-mana pasar awam selain daripada di gerai atau tempat jualan yang berkenaan yang mana ia telah diberi satu lesen oleh Yang Dipertua.

(b) Yang Dipertua hendaklah menyenggara satu daftar mengandungi butir-butir yang berhubung dengan semua pemegang gerai yang telah diberi lesen-lesen bagi gerai atau tempat jualan di dalam sesebuah pasar awam.

Mempamer-  
kan lesen.

10. Seseorang pemegang lesen—

(a) bagi sesebuah pasar persendirian hendaklah sepanjang masa mempamerkan lesenya di bahagian yang mudah dilihat di dalam pasar persendirian itu;

(b) bagi sesebuah gerai di dalam sesebuah pasar awam hendaklah sepanjang masa mempamerkan lesenya di bahagian yang mudah dilihat di gerainya; dan

(c) bagi sesebuah tempat jualan di dalam sesebuah pasar awam hendaklah menyimpan lesenya sendiri atau di suatu tempat yang membolehkannya menunjukkan lesen itu apabila diminta.

Kehadiran  
pemegang  
gerai dan  
perlantikan  
penama.

11. (a) Seseorang pemegang gerai di dalam mana-mana pasar awam, hendaklah sepanjang masa hadir dan menguruskan atau mengawasi, jualan-jualan di gerai atau di tempat jualannya melainkan jika ia tidak berupaya berbuat demikian atas sebab-sebab yang munasabah, dan disahkan oleh Yang Dipertua.

(b) Seseorang pemegang gerai di dalam mana-mana pasar awam boleh, dengan kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua, menggaji seorang pembantu yang diberi kuasa yang mana nama dan gambaranya hendaklah dilekatkan pada kad lesen itu di bahagian bawah nama dan gambar pemegang lesen. Pemegang gerai itu hendaklah bertanggungjawab di atas tindak-tanduk pembantunya dan hendaklah hadir sendiri di gerai itu daripada pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

(c) Jika seseorang pemegang gerai di dalam mana-mana pasar persendirian hendak meninggalkan Daerah Krian selama tempoh melebihi tiga puluh hari, dia hendaklah melantik seorang penama yang menggantikan tempatnya dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

(d) Yang Dipertua tidak boleh, melainkan dalam keadaan yang difikirkan perlu, memberi kelulusan di bawah peruntukan perenggan (c) undang-undang kecil ini bagi tempoh melebihi 3 bulan.

(e) Suatu fee sebanyak \$10.00 hendaklah kena dibayar oleh pemegang gerai bagi melantik seorang penama.

(f) Tiada pemegang gerai di dalam mana-mana pasar awam boleh menyerah hak, memajakkan, menyewakan atau "sub-let" gerainya.

12. Yang Dipertua dalam hal sesebuah pasar awam, dan pemegang lesen sesebuah pasar persendirian dalam hal pasar persendirian, boleh membahagikan dan menyusun semula bahagian-bahagian yang berlainan di pasar awam atau pasar persendirian, mengikut mana yang berkenaan, untuk jualan berlainan jenis makanan yang bermasak atau tidak bermasak, minuman, artikel atau barang-barang, dan tiada seorang pun boleh mendedahkan untuk jualan atau menjual apa-apa makanan, minuman, artikel atau barang-barang selain daripada di bahagian yang telah ditetapkan untuk jualan barang-barang tersebut.

Peraturan  
bagi  
tempat  
menjual.

13. Pasar-pasar awam hendaklah dibuka mengikut waktu yang diarahkan oleh Yang Dipertua, dan melainkan dengan kebenaran khas Yang Dipertua tiada sesiapa pun boleh berada di pasar awam sewaktu pasar itu ditutup.

Waktu  
pasar awam.

14. (a) Jika sesuatu bekalan air awam disediakan di mana-mana pasar awam, maka tiada sesiapa pun boleh membazir air, dan semua orang hendaklah mematuhi arahan-arahan sepertimana yang diberi oleh Yang Dipertua atau sesiapa yang diberi kuasa olehnya.

Pembaziran  
air dan  
larangan  
penggunaan  
air dari  
tandas.

(b) Tiada pemegang gerai atau sesiapa yang berkaitan dengan jualan makanan atau minuman boleh menyediakan untuk minuman, atau menggunakan untuk memasak atau membasuh atau lain-lain kegunaan bersangkutan dengan trednya apa-apa air dari mana-mana pili atau sumber lain di dalam sesebuah kemudahan atau tandas awam atau persendirian.

15. (a) Setiap pemegang gerai hendaklah mempamerkan dengan jelas di gerainya tanda-tanda harga bagi tiap-tiap artikel yang didedahkan untuk jualan.

Mempamer-  
kan tanda  
harga.

(b) Setiap pemegang gerai hendaklah menjual artikel itu mengikut harga yang dinyatakan pada tanda-tanda harga itu.

Mengembung-kan daging.

Hanya  
daging yang  
disembelih  
di rumah  
sembelih  
yang berlesen  
saaja boleh  
dijual.

Jualan  
makanan  
yang tidak  
segar  
dilarang.

Tanggung-  
jawab  
pemegang  
lesen dan  
pemajak.

Pembersihan  
gerai-gerai.

Pembersihan  
gerai daging  
dan ikan  
setiap hari.

Sekitar gerai  
hendaklah  
dijaga  
dengan  
bersih.

Kebersihan  
pasar dan  
gerai-gerai.

16. Tiada seorang pun boleh menyuntikkan air atau lain-lain cecair ke dalam apa-apa daging yang dimaksudkan untuk jualan dan tidak juga boleh mengembungkannya dengan udara, dan tiada sesiapa pun boleh menjual atau menawarkan atau mendedahkan untuk dijual atau menyebabkan ditawarkan atau didedahkan apa-apa daging yang telah digembangkan dengan udara atau ke dalamnya air atau lain-lain cecair telah disuntik.

17. Tiada sesiapa pun boleh menjual atau mendedahkan untuk dijual atau menyebabkan dijual, ditawarkan atau didedahkan untuk jualan mana-mana bahagian dari apa-apa binatang yang disebelih di mana-mana tempat selain daripada sebuah rumah sembelih awam atau rumah sembelih berlesen, dengan syarat dalam hal rusa atau lain-lain binatang liar, undang-undang kecil ini tidak dipakai.

18. (a) Tiada sesiapa pun boleh mendedahkan untuk jualan atau menjual di dalam mana-mana pasar apa-apa barang makanan atau minuman yang tidak segar untuk makanan manusia.

(b) Yang Dipertua, atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh mensita, memeriksa atau meneliti mana-mana binatang berpenyakit, ayam, itik, daging, ikan, atau buah-buahan, sayuran atau lain-lain artikel makanan atau minuman yang tidak sihat, yang tidak segar atau apa-apa yang tidak layak untuk makanan manusia dan jika pada pendapat Yang Dipertua bahawa artikel yang disita itu patut dimusnahkan, maka artikel tersebut hendaklah dimusnahkan dengan serta-merta.

19. Pemegang lesen mana-mana pasar persendirian atau, sekiranya sesebuah pasar awam atau mana-mana bahagian daripadanya yang dipajakkan, pemajak hendaklah menggaji sebilangan orang secukupnya untuk membasuh dan menjaga keberisan pasar itu dengan memuaskan hati Yang Dipertua, dan hendaklah bertanggungjawab terhadap semua kerosakan kepada atau kehilangan apa-apa harta benda Yang Dipertua di dalam pasar itu.

20. Penghuni tiap-tiap gerai hendaklah menjaga gerainya supaya bersih dan teratur, dan pada satu hari dalam seminggu seperti yang ditetapkan oleh Yang Dipertua, pemegang-pemegang gerai hendaklah memindahkan semua barang-barang atau lain-lain artikel atau benda daripada gerai atau tempat jualan mereka dan hendaklah membersihkan gerai atau tempat jualan mereka itu sebersih-bersihnya.

21. Setiap penjual ikan dan daging hendaklah membasuh dan membersihkan gerai, blok gerai, papan gerai dan semua alat perkakasnya dan alatan-alatan yang berkenaan dengannya sebersih-bersihnya sekurang-kurangnya sekali sehari, dan hendaklah menjaganya dalam keadaan bersih dan cuci.

22. Setiap pemegang gerai hendaklah menjaga mana-mana persiaran, lorong atau ruang di hadapan, di belakang atau di sisi gerai atau tempat jualannya dalam keadaan bersih dengan muaskan hati Yang Dipertua.

23. Setiap pemegang gerai di dalam sesebuah pasar awam atau pasar persendirian hendaklah menjaga shed, gerai, kandang atau tempatnya dan kawasannya sekitarnya dalam keadaan bersih dan cuci.

## 24. Setiap pemegang gerai hendaklah—

- (a) menjaga semua makanan, sama ada yang bermasak atau tidak bermasak, dalam keadaan bersih dan cuci supaya ia tidak bersentuh dengan mana-mana lalat, vermin, serangga-serangga, kotoran, habuk atau lain-lain bahan, jirim atau benda yang membahayakan;
- (b) membungkus semua makanan untuk pelanggan-pelanggan dengan bahan yang bersih dan tidak tercemar dalam apa-jua cara pun;
- (c) menjaga semua perkakas dan alat-alat yang digunakan berhubung dengan perniagaannya supaya bersih dan bebas dari apa-apa kecemaran;
- (d) menyenggara diri dan pakaianya dalam keadaan bersih; dan
- (e) mengecat gerainya seberapa kerap yang diarahkan berbuat demikian oleh Yang Dipertua.

Alatan dan  
makanan  
hendaklah  
dilindungi.

## 25. (a) Setiap pemegang gerai hendaklah menyediakan dan menyenggara dalam keadaan baik berkenaan gerainya suatu bilangan yang secukupnya, tong sampah bentutup daripada bentuk dan bahan yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

Pembuangan  
sampah.

(b) Tiada pemegang gerai atau lain-lain orang boleh melonggok atau menyebab atau membenarkan dilonggokkan apa-apa sisa makanan, kekotoran, sampah sarap atau lain-lain jirim atau benda yang dibuang olehnya di mana-mana tempat selain dari dalam tong sampah tersebut.

(c) Semua sampah sarap yang busuk atau pepejal hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau lain-lain bekas yang ringan sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Dipertua, sebelum dilonggokkan ke dalam tong sampah.

(d) Setiap pemegang gerai hendaklah mempastikan semua sampah sarap yang terkumpul semasa menjalankan perniagaannya dimasukkan dari masa ke semasa ke dalam tong sampah awam yang disediakan bagi tujuan itu.

(e) Tiada pemegang gerai boleh menyebabkan atau membenarkan dilonggokkan, ditumpah, ditabur atau dibuang apa-apa darah, air masin, cecair buangan atau lain-lain jirim yang mengganggu ke dalam mana-mana longkang atau atas mana-mana lantai pasar melainkan di tempat-tempat yang ditetapkan untuk tujuan itu oleh Yang Dipertua.

(f) Sekiranya dalam sebarang tindakan undang-undang kerana melanggar peruntukan perenggan (b) undang-undang kecil ini, dibuktikan bahawa apa-apa sisa makanan, kekotoran, sampah sarap atau jirim-jirim atau benda-benda lain telah tidak dilonggokkan ke dalam tong sampah tetapi di dalam atau di atas mana-mana laluan, longkang, halaman atau tempat-tempat lain yang berhampiran sekali di hadapan, di belakang atau di sisi gerai atau tempat jualan, maka hendaklah dianggapkan, melainkan sebaliknya dapat dibuktikan, bahawa barang-barang tersebut telah dilonggokkan di dalam atau di atas oleh, atau dengan kebenaran, pemegang gerai yang gerai atau tempat jualannya adalah terletak paling hampir dengan sisa makanan, kekotoran, sampah sarap atau jirim-jirim atau benda-benda lain itu.

**Halangan.**

26. Tiada pemegang gerai di mana-mana pasar awam boleh—
- meletak, mendirikan atau menempatkan gerai atau tempat jualannya melebihi had yang diperuntukkan kepadanya, dan tiada kajang atau penutup boleh merentang melebihi 30 sentimeter daripada gerai atau tempat jualan itu;
  - menyebab atau membenarkan mana-mana barang, barang-barang dagangan atau lain-lain artikel, perkakas atau benda-bendanya yang berkaitan dengan perniagaannya dilonggok, dipamer atau didedahkan untuk jualan di mana-mana anak tangga, lorong, laluan atau jalan lalu-lalang pasar itu, atau di atas, atau merintasi mana-mana longkang atau sebahagian daripadanya dalam pasar itu;
  - menyebab atau membenarkan barang-barang dagangan, barang-barang atau lain-lain artikel, perkakas atau benda-banya yang berkaitan dengan perniagaannya mengunjur keluar dari had gerai atau tempat jualan yang diperuntukkan kepadanya;
  - menyebab apa-apa halangan di dalam mana-mana pasar atau di mana-mana jalan, lorong atau jalan masuk ke mana-mana pasar dengan apa-apa kenderaan, barang-barang, peti, bakul, kereta sorong atau benda-benda lain;
  - mendirikan apa-apa peti, rak, loteng atau struktur-struktur lain di atas gerai atau tempat jualannya setinggi melebihi 2.4 meter daripada paras tanah atau melonggokkan atau menimbunkan barang-barang, peti-peti, bakul-bakul, bungkus-bungkus atau benda-benda lain di atas gerai atau tempat jualan melebihi tinggi tersebut.

**Halangan longkang dan lorong.**

27. Tiada sesiapa pun boleh mempamerkan apa-apa artikel untuk jualan di lorong-lorong atau atas mana-mana longkang di dalam sesebuah pasar, dan tiada papan, peti, bakul atau lain-lain artikel boleh ditinggalkan di dalam, di atas atau merintasi mana-mana longkang atau lorong itu.

**Pelindung panas dan pindaan.**

28. Tiada seorang boleh mendirikan apa-apa pelindung panas, tirai atau sekatan atau membuat apa-apa pindaan atau tambahan kepada mana-mana gerai tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

**Penggunaan kereta roda besi dilarang.**

29. Tiada sesiapa pun boleh menggunakan sebarang kereta sorong atau troli beroda besi untuk tujuan mengangkut barang di dalam mana-mana pasar awam.

**Kemasukan kenderaan.**

30. Tiada sesiapa pun boleh memandu apa-apa kenderaan bermotor atau membawa mana-mana basikal roda tiga, basikal atau mana-mana kenderaan beroda masuk ke dalam mana-mana pasar awam kecuali diberi kuasa bertulis oleh Yang Dipertua.

**Api dan melapah ayam, itik.**

31. (1) Tiada api boleh dinyalakan atau, memasak atau merebus dibuat, dalam mana-mana pasar, kecuali di tempat atau tempat-tempat yang telah ditentukan oleh Yang Dipertua tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan olehnya.

- (2) Tiada melapah ayam, itik boleh dijalankan dalam mana-mana pasar, kecuali di suatu tempat atau tempat-tempat yang ditentukan oleh Yang Dipertua tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan olehnya.

32. Tiada sesiapa pun boleh berbaring atau tidur di mana-mana gerai di dalam mana-mana pasar.

Penggunaan  
gerai  
secara  
haram.

33. Tiada sesiapa pun boleh di dalam sesebuah pasar—

Kacau-  
ganggu.

- (a) membuat kacau-ganggu;
- (b) meludah atas lantai, gerai atau mana-mana bahagian pasar itu;
- (c) membuang apa-apa sayuran, bahagian-bahagian binatang, sisa binatang, kotoran atau jirim-jirim atau benda-benda lain yang mengganggu ke atas mana-mana gerai, lorong, laman, anak tangga atau mana-mana bahagian pasar itu, kecuali ke dalam sesuatu bekas atau tong sampah;
- (d) memelihara anjing atau lain-lain binatang atau membawa masuk ke dalam sesebuah pasar seekor anjing atau lain-lain binatang dengan lehernya yang berikat atau sebaliknya, atau sengaja membenarkan seekor anjing atau lain-lain binatang mengikutinya masuk ke sesebuah pasar.

34. Tiada sesiapa pun boleh di dalam sesebuah pasar mengemis atau meminta sedekah atau menunjuk atau mendedahkan sebarang kudis, luka, penyakit tubuh badan atau kecacatan tubuh badan. Pegawai-pegawai kepada Yang Dipertua hendaklah mengusir orang-orang sedemikian daripada pasar-pasar dan tiada sesiapa yang berpenyakit seperti itu boleh melibatkan diri atau membantu apa-apa perniagaan di dalamnya.

Mengemis.

35. Tiada sesiapa pun yang secara sedar mengidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular atau membawa jangkitan dari apa-apa penyakit boleh melibatkan diri dalam penjualan makanan di dalam mana-mana pasar dan sesiapa yang terlibat sedemikian hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian oleh Yang Dipertua, dikemukakan kepada suatu pemeriksaan perubatan.

Orang yang  
berpenyakit.

36. Tiada sesiapa pun boleh mengubah atau mengganggu apa-apa alat-alat elektrik atau air di mana-mana pasar awam.

Gangguan  
alat-alat  
elektrik dan  
air.

37. Tiada sesiapa pun boleh menghalang mana-mana pegawai kepada Yang Dipertua yang telah diberi kuasa daripada memasuki atau memeriksa mana-mana bahagian daripada mana-mana pasar pada bila-bila masa.

Kuasa  
memeriksa.

38. Yang Dipertua boleh mengusir atau menyebabkan diusir dari mana-mana pasar awam sesiapa atau orang-orang gajinya yang sabit dengan apa-apa kesalahan atau tidak mematuhi mana-mana undang-undang kecil berkaitan dengan pasar-pasar, dan boleh mencegah orang itu sendiri atau orang gajinya daripada terus menjalankan apa-apa tred atau perniagaan di dalam pasar itu atau menduduki mana-mana gerai, kedai atau tempat-tempat lain di dalamnya, dan boleh menamatkan apa-apa pajakan atau pegangan yang dimiliki oleh orang berkenaan itu bagi mana-mana gerai, kedai atau lain-lain tempat.

Kuasa  
mengusir  
orang yang  
disabit atau  
tidak  
mematuhi  
undang-  
undang  
kecil dan  
menamatkan  
pajakan.

39. Tiada alatan atau sambungan elektrik boleh dipasang atau disambung oleh pemegang gerai di dalam sesebuah pasar awam tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua. Pemegang gerai berkenaan hendaklah menanggung semua kos dan perbelanjaan penyambungan, pendawaian atau pemasangan itu.

Pemasangan  
alatan  
elektrik  
dan  
sambungan.

Pertukaran petak-petak.  
40. Di dalam keadaan di mana Yang Dipertua membenarkan mana-mana pertukaran sesuatu petak di dalam sesebuah pasar awam, fee yang kena dibayar ialah \$10.00.

Bekalan air di gerai.  
41. Seseorang pemegang gerai di dalam mana-mana pasar awam hendaklah mengadakan pemasangan bekalan air di gerainya bagi tujuan mencuci dengan perbelanjaannya sendiri;

Dengan syarat bahawa pemasangan itu dan apa-apa pemasangan alatan dan penyambungan hendaklah dilakukan dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

Alat timbang dan sukat.  
42. Seseorang pemegang gerai di dalam sesebuah pasar awam dan pemegang lesen sesebuah pasar persendirian hendaklah menggunakan alat timbang yang disahkan dan diperakukan oleh Menteri Timbang dan Sukat, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan Malaysia,

Pemansuhan  
FMS GN  
3797/35  
FMS GN  
134/37.  
43. Bahagian V(A) dan (C) Undang-Undang Kecil Lembaga Bandaran, 1935 sebagaimana yang dipakai oleh Majlis Daerah Krian adalah dengan ini dimansuhkan.

Diperbuat pada 31hb Disember 1983.

[MDK 4587; PU Pk. 36/76.]

MOHD. SHARIFF BIN NOORANI,  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Krian

Disahkan pada 15hb Ogos 1984.

[PSUK Pk. (KT) 21149/7.]

MOHD. SHAHAR BIN HAJI ALANG SAIDIN,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan, Perak